



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL/ HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	NO. SEBUTHARGA S0128/26 NO. RUJUKAN E4/3/29/26 TAJUK CADANGAN PERKHIDMATAN SELENGGARAAN POKOK TEDUHAN DI BAHU JALAN KAWASAN MAJLIS BANDARAYA IPOH. LOKASI : TANJUNG RAMBUTAN / SUNWAY / TAMAN PERPADUAN	(TERBUKA) BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN KOD BIDANG: 221002 (MEMBERSIH KAWASAN) DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI LHDN (TCC)	TARIKH IKLAN 18 OGOS 2026 (SELASA) TARIKH JUAL 18 OGOS 2026 (SELASA) TARIKH AKHIR PEMBELIAN 25 OGOS 2026 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH MALAM HARGA DOKUMEN RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my	-TIDAK BERKENAAN-	TARIKH TUTUP 26 OGOS 2026 (RABU) MASA 12:00 TENGAH HARI LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA YANG DIBERI KUASA DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PENYEBUT HARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebut harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 25 OGOS 2026 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**
3. Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.
4. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat dengan **Sijil Kewangan Malaysia** serta masih sah lakunya, **60 hari** dari tarikh mula iklan.
5. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut Harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**
6. Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjurukan kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh.**
7. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.
8. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
JURUUKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH